

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL.14/2016:

KERJA-KERJA PENERBITAN SATU KIT PANDUAN BAGI PERNIAGAAN BAHARU
(BUSINESS TOOL KIT FOR START-UPS)

Pengenalan

SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang berfungsi sebagai Agensi Penyelaras Pusat untuk pembangunan PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia adalah bertanggungjawab untuk merumuskan dasar PKS yang umum merentasi semua sektor ekonomi, menyelaras program PKS oleh Kementerian & Agensi berkaitan serta menggalakkan pertumbuhan PKS melalui pelaksanaan program pembangunan dan sokongan perniagaan. SME Corp. Malaysia juga adalah pusat rujukan setempat maklumat dan khidmat nasihat bagi semua PKS di Malaysia dan salah satu inisiatif berkaitan adalah penghasilan Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu.

Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu ini bertujuan untuk memberikan bimbingan secara berperingkat kepada perniagaan baharu dalam mengendalikan operasi perniagaan dengan cekap sejak dari awal penubuhan perniagaan lagi. Penghasilan Kit ini juga adalah bertujuan untuk memberikan manfaat kepada semua pihak terutama sekali perusahaan mikro yang mempunyai kurang daripada lima orang pekerja untuk mengurustadbir dan membangunkan perniagaan mereka secara berkesan. Kit ini akan merangkumi dua bahagian utama iaitu:

- (i) Penerbitan Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu yang merangkumi modul seperti mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan, perancangan perniagaan, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan operasi & teknologi, perancangan pemasaran & jualan serta ekosistem bantuan bagi perniagaan di peringkat awal. Kit ini juga akan merangkumi panduan bagi memulakan perniagaan secara atas talian dan e-dagang.
- (ii) Penghasilan kandungan interaktif Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu dalam bentuk pembelajaran elektronik (*eLearning*) termasuk penilaian pembelajaran (*eLearning assessment*) bagi menilai tahap pembelajaran PKS. Objektif pembelajaran elektronik ini adalah untuk memastikan usahawan dapat menjalani pembelajaran secara *hands-on* di samping menilai tahap kefahaman dalam menjalankan perniagaan. Melalui aplikasi ini, para usahawan bukan sahaja berpeluang untuk belajar secara atas talian, tetapi juga dapat memuat turun templat panduan perniagaan yang interaktif secara atas talian.

BIL	CIRI-CIRI KEPERLUAN	PEMATUHAN (√ / x)
1.	<p>Kerja-kerja menulis, merangka dan <i>proof-read</i> Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu dalam Bahasa Inggeris:</p> <p>i. Kit merangkumi modul berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ciri-ciri Keusahawanan • Perancangan Perniagaan • Memahami Model Perniagaan • Pendaftaran Peniagaan • Pengurusan Kewangan • Pengurusan Sumber Manusia • Pengurusan Operasi & Teknologi • Perancangan Pemasaran & Jualan • Ekosistem bantuan bagi perniagaan di peringkat awal <p>ii. Kit ini juga akan merangkumi panduan bagi memulakan perniagaan secara atas talian dan e-dagang.</p> <p>iii. Penyampaian kandungan haruslah dalam bentuk yang mudah, menarik dan senang difahami oleh usahawan.</p>	
2.	<p>Kerja-kerja menulis, merangka dan <i>proof-read</i>:</p> <p>i. Templat Panduan Perniagaan dalam Bahasa Inggeris merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Format Rancangan Perniagaan • Format Rekod, Perancangan Bajet, Unjuran Aliran Tunai & Pengiraan Pulangan Modal (<i>break-even</i>) • Pengiraan Cukai Perniagaan & Pembayaran GST • Rekod Pemantauan Sumber Manusia & Pengurusan Pelanggan • Pelan Penjenamaan & Pemasaran • Pelan Pertumbuhan / Pengembangan Perniagaan • Senarai semak dokumen untuk Pendaftaran Perniagaan & Lesen-lesen yang diperlukan <p>ii. Penyampaian kandungan haruslah dalam bentuk praktikal yang boleh digunapakai oleh usahawan.</p>	
3.	<p>Kerja-kerja penterjemahan yang merangkumi:</p> <p>i. Menterjemah seluruh Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu dan Templat berkaitan kepada Bahasa Malaysia berdasarkan deraf yang disediakan; dan</p> <p>ii. Menyunting dan membuat <i>proof-read</i> laporan yang diterjemahkan. Membuat sehingga 2 kali deraf.</p>	
4.	<p>Kerja-kerja konsep kreatif, reka bentuk dan mengatur huruf (<i>typesetting</i>) yang merangkumi:</p> <p>i. Mencadangkan bentuk atau format fizikal akhir Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu dan Templat berkaitan;</p> <p>ii. Mengatur huruf (<i>typeset</i>) kandungan Kit dan Templat dalam saiz A5 [14.8 cm (w) x 21 cm (h)] dengan menggunakan infografik dan grafik yang bersesuaian dan menarik;</p> <p>iii. Menyediakan sehingga 5 rekaan kulit depan dan belakang Kit mengikut tema yang dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia;</p> <p>iv. Menyediakan reka bentuk set kotak/fail luaran dan mukasurat dalaman yang</p>	

BIL	CIRI-CIRI KEPERLUAN	PEMATUHAN (√ / x)
	<p>selaras dengan reka bentuk kulit Kit bagi setiap muka surat yang meliputi isi kandungan, pembahagi muka surat, graf, jadual, imej dan lain-lain berkaitan;</p> <p>v. Menyediakan carta dan graf yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Graf haruslah menarik, kreatif dan seragam dan tidak terlalu menonjol dari segi saiz dan warna; dan</p> <p>vi. Penggunaan gambar sekurang-kurangnya 50 unit, yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 15 unit dari <i>photostock</i>; • Gambar dalam simpanan pembekal; dan • Gambar dalam simpanan SME Corp. Malaysia. 	
5.	<p>Kerja-kerja menukar kandungan ke dalam bentuk modul <i>eLearning</i> yang merangkumi:</p> <p>i. Kandungan lengkap Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu;</p> <p>ii. Templat Panduan Perniagaan yang interaktif dan boleh dimuat turun;</p> <p>iii. Pautan ke laman sesawang Kementerian dan agensi berkaitan perniagaan baharu;</p> <p>iv. Tambahan maklumat yang dirasakan berkaitan; dan</p> <p>v. Penilaian pembelajaran (<i>eLearning assessment</i>) bagi menilai tahap pembelajaran PKS</p> <p>Nota: Semua kandungan Kit Panduan bagi Perniagaan Baharu dan Templat adalah hak milik SME Corp. Malaysia sepenuhnya dan sebarang terbitan tambahan adalah di bawah bidang kuasa dan perlu mendapatkan persetujuan dari SME Corp. Malaysia</p>	

Tarikh penyerahan kandungan Kit Panduan Bagi Perniagaan Baharu dan Templat adalah seperti berikut:

Modul Panduan Perniagaan	Tarikh Akhir
Penyerahan deraf modul dan templat	6 April 2017
Penilaian Deraf Pertama dan contoh Modul <i>eLearning</i>	13 April 2017
Penilaian Deraf Kedua dan Modul Lengkap <i>eLearning</i>	28 April 2017
Penyerahan Akhir Kandungan dan Modul <i>eLearning</i>	5 Mei 2017

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :